

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

TARIKH : 21.11.2016

SOALAN :

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan maklumat dan statistic terkini tentang Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), berapakah jumlah wang daripada KWAPM yang diedarkan setiap tahun, bilangan murid/pelajar yang menerima manfaat mengikut kaum dan negeri dan secara khususnya sejauh manakah KWAPM membantu pelajar Orang Asli daripada segi mengurangkan keciciran dan kejadian kemiskinan kanak-kanak(*child poverty*).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Matlamat Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) adalah untuk mengatasi keciciran murid daripada sistem persekolahan akibat kemiskinan tanpa mengambil kira kaum atau agama. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyalurkan bantuan KWAPM kepada murid miskin tegar dan miskin sebagai usaha membantu mereka meneruskan persekolahan. Bantuan ini diberikan kepada murid yang keluarganya berpendapatan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Nasional sama ada yang berada di kawasan bandar, luar bandar mahupun kawasan pedalaman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tabung KWAPM menyediakan dua jenis bantuan persekolahan kepada murid yang layak iaitu Bantuan Am Persekolahan dan Bantuan Bulanan. Bagi murid sekolah rendah yang layak mendapat Bantuan Am Persekolahan, mereka akan menerima RM200 manakala bagi murid sekolah menengah pula akan mendapat sebanyak RM300 dalam bentuk tunai. Bantuan kewangan ini bertujuan untuk membantu ibu bapa membeli keperluan persekolahan anak-anak seperti pakaian seragam, beg, kasut sekolah serta alat tulis. Selain daripada itu, Bantuan Bulanan juga diberikan kepada murid sebagai bantuan wang saku dan kegunaan lain-lain perbelanjaan murid bagi tempoh 10 bulan persekolahan.

Pada tahun 2016, seramai 1.01 juta murid sekolah telah menerima bantuan daripada Tabung KWAPM yang berjumlah RM268.7 juta. Daripada jumlah tersebut, sehingga 30 September 2016, seramai 26,223 orang murid Orang Asli telah menikmati bantuan KWAPM. Secara umumnya, lebih ramai murid miskin tegar dan miskin yang mendapat manfaat daripada Tabung KWAPM dari setahun ke setahun.

RJM64